

# Kementerian Pelajaran rombak sistem kokurikulum

UM - 1/6/2007

PUTRAJAYA 31 Mei - Kementerian Pelajaran akan merombak secara keseluruhan kokurikulum sekolah sedia ada supaya sistem pendidikan negara tidak lagi dilihat memberi penekanan kepada soal pencapaian akademik sahaja.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ini kerana ibu bapa dan masyarakat tidak begitu memberi perhatian serius terhadap aktiviti kokurikulum sekolah anak masing-masing.

Beliau berkata, ia juga sejajar dengan sistem pengurusan aktiviti kokurikulum di sekolah masa kini yang dilihat tidak mempunyai objektif yang jelas.

"Banyak perubahan yang perlu dilakukan terhadap sistem kokurikulum sekolah sedia ada supaya ia menjurus kepada objektif kita memberi pendidikan secara holistik.

"Lebih-lebih lagi, apabila kerajaan telah menetapkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah sebagai syarat penting bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 kepada lebih 300 warga kementerian itu di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pelajaran di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim dan Datuk Noh Omar.

Sehubungan itu, Hishammuddin memberitahu, jawatankuasa khas telah dibentuk bagi melaksanakan pelbagai program dalam memperkasa sistem kokurikulum sekolah bermula bulan depan.

"Saya mahu tengok satu arus perubahan yang lebih ketara dalam sistem kokurikulum sekolah dan juga akan menjurus kepada golongan sasaran yang telah ditetapkan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, pihaknya akan mengumumkan hasil penilaian terhadap empat teras yang telah

dilaksanakan di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), hujung bulan depan.

"Tetapi masalahnya, penilaian itu hanya untuk sepanjang tempoh lima bulan program PIPP dilaksanakan membabitkan Memperkasakan Sekolah Kebangsaan, Merapatkan Jurang Pendidikan, Memartabatkan Profesion Keguruan dan Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

"Saya berpendapat mungkin lebih adil jika penilaian sedemikian dibuat pada hujung tahun ini kerana ia akan membabitkan semua teras yang digariskan dalam PIPP," katanya.